

**Hishammuddin Cadang Sekat Sumber Kewangan Untuk Lemahkan Gerakan Keganasan Bernama  
19 September , 2011**

KUALA LUMPUR, 19 Sept (Bernama) -- Kegiatan keganasan boleh dilemahkan dengan berkesan melalui langkah menyekat sumber pembiayaannya, kata Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein.

"Jika kita ingin melemahkan pertubuhan pengganas, saluran pembiayaannya perlu disekat secara habis-habisan," kata beliau ketika merasmikan Persidangan Antarabangsa mengenai Jenayah Kewangan dan Pembiayaan Keganasan 2011, di sini Isnin.

Beliau berkata ketiadaan dalang keganasan Osama bin Laden tidak bermakna dunia kini semakin selamat.

"Keganasan masih merupakan gerakan berbahaya yang hanya menunggu peluang untuk mengorbankan mangsanya tanpa mengira masa dan tempat," kata Hishammuddin.

Beliau berkata untuk memastikan penyiasatan kewangan dapat dijalankan dengan berkesan dan seragam di seluruh dunia, langkah perlu diambil untuk melatih lebih banyak pakar dalam bidang itu, di samping menggalakkan kerjasama antara pengawal selia kewangan dan agensi keselamatan kewangan di peringkat sejagat.

Katanya agensi penguatkuasaan undang-undang pula perlu menganggap institusi kewangan sebagai rakan strategiknya dalam memerangi jenayah kewangan.

"Begitu juga, institusi kewangan perlu melihat agensi penguatkuasaan undang-undang sebagai anasir penting dalam membina persekitaran kondusif untuk membolehkan perniagaan beroperasi dan berkembang," katanya.

Hishammuddin berkata jenayah "Zaman Baru", yang bersifat merentas negara dan merangkumi jenayah kewangan serta pembiayaan kegiatan, kini menjadi ancaman utama keselamatan global.

Persidangan itu dianjurkan beberapa pertubuhan, termasuk Institut Jurubank Malaysia, Compliance Officers' Networking Group, Institut Kewangan dan Perbankan Islam Asia dan Finance Institute Malaysia.

--BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsgeneral.php?id=614418>